



TENAGA PENGGERAK UTAMA KUTKM



Barisan atas dari kiri: Profesor Datuk Dr. Mohd Ruddin bin Ab. Ghani, Profesor Datuk Ismail bin Hassan, Profesor Abd. Hamid bin Hamidon, Profesor Madya Md. Noah bin Jamal, Profesor Dr. Md Razali bin Ayob, Profesor Dr. Mohamad Ishak bin Desa, Pn. Hajah Faridah binti Haji Md. Amin.

Barisan bawah dari kiri: En. Khairul bin Taib, En. Azman bin Kamani, En. Omar bin Ibrahim, Pn Noraida binti Attan, Profesor Dr. Azhari bin Saleh, Datuk Hasan bin Sirun, dan Profesor Madya Abd. Salam bin Md. Tahir

Tenaga penggerak utama pada peringkat awal penubuhan universiti diterajui oleh Profesor Datuk Dr. Mohd Ruddin bin Ab. Ghani, Rektor KUTKM. Rektor pada ketika itu dibantu oleh Profesor Datuk Ismail bin Hassan yang telah dilantik sebagai Timbalan Rektor Akademik dan Profesor Abd. Hamid bin Hamidon selaku Dekan Fakulti Kejuruteraan Elektronik dan Kejuruteraan Komputer (FKEKK) yang banyak membantu dan menyumbang jasa dalam penubuhan awal KUTKM.

Pentadbiran awal KUTKM turut dikukuhkan dengan beberapa individu lain yang turut menyumbang buah fikiran dan tenaga iaitu Profesor Madya Md. Noah bin Jamal, Profesor Dr. Md. Razali bin Ayob, Profesor Dr. Mohamad Ishak bin Desa, Puan Hajah Faridah binti Haji Md. Amin, Encik Khairul bin Taib, Encik Azman bin Kamani dan Encik Omar bin Ibrahim.

Keprihatinan, kerjasama dan sokongan yang padu diberikan oleh Universiti Teknologi Malaysia (UTM) pada ketika itu adalah dengan memberikan pinjaman beberapa tenaga pakar yang masih berkhidmat di UTM iaitu Profesor Dr. Ahmad Kamal Idris, Profesor Dr. Husin Ahmad, Profesor Datuk Dr. Md Taib Dora, Encik Ahmad Said, Encik Md. Nor Main, Encik Kamarudin Bahrin Tawi, Encik Johan Jendol dan Puan Rashidah Othman.

Pada Januari 2001, kumpulan penggerak telah bertambah dengan beberapa individu lain seperti Profesor Dr. Azhari bin Saleh, Datuk Hasan bin Sirun, Puan Noraida binti Attan dan Profesor Madya Abd. Salam bin Md. Tahir telah bersama-sama bertungkus-lumus membantu merancang dan merealisasikan penubuhan KUTKM.

Sumber Rujukan:

- [1] Siri Perutusan Tahunan Rektor: Kolej Universiti Teknikal Kebangsaan Malaysia (2004)
- [2] Temubual Tenaga Penggerak Utama UTeM: Profesor Datuk Dr. Mohd Ruddin bin Ab. Ghani

Bil.3/2020)